

MAHATHIR-UMNO

1984  
ALOR STAR, 19 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MAHUPUCUK PIMPINAN UMNO YANG ADA SEKARANG DIKALKAN DAN PERUBAHAN PIMPINAN CUMA DIADAKAN JIKA CALON-CALON DALAM PEMILIHAN PARTI BULAN DEPAN BOLEH MEMBAWA PERUBAHAN LEBIH BERKESAN KEPADA BANGSA, AGAMA DAN NEGARA.

PERQANA MENTERI MENEGASKAN PERTANDINGAN BAGI MEREKUT JAWATAN-JAWATAN PARTI TIDAK PERLU DIADAKAN HANYA SEKADAR PERTUKARAN ORANG SEDANGKAN BAKAL-BAKAL CALON Y IDAK BANYAK PERBEZAAN DENGAN PEMIMPIN YANG ADA SEKARANG

+ SAYA TIDAK HALANG SESIAPA YANG INGIN MENDAPATKAN JAWATAN DALAM PARTI TETAPI JIKA UMPAMANYA ADA DUA ORANG YANG TIDAK JAUH BEZA ANTARA SATU SAMA LAIN, MAKA, TIDAK PERLU ADA PERTANDINGAN, + TAMBAHNYA SEMASA MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKLLAN UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU DC SEKOLAH MENENGAH SULTAN ABDUL HALIM DEKAT SINI.

PRESIDEN UMNO ITU BERKATA TIDAK PERLU ADA PERTANDINGAN JIKA TIDAK ADA PERBEZAAN TERLALU SANGAT ANTARA PEMIMPIN-PEMIMPIN KERANA PEMILIHAN PARTI BUKAN UNTUK DUA ORANG SAHAJA TETAPI BAGI KEPENTINGAN BANGSA, ACAMA DAN NEGARA.

+ JIKA PEMIMPIN MENJADI BEGITU BURUK DAN PATUT DITUKAR, MAKA PADA KETIKA ITU, TANDINGLAH DAN JATUHKAN CARA DEMOKRATIK ORANG YANG PEGANG TERAJU, + KATA BELIAU.

+ PEMILIHAN PEMIMPIN BARU BOLEH DIADAKAN JIKA INGIN PERUBAHAN RADIKAL, JIKA PEMIMPIN SUDAH USANG, TIDAK BERGUNA, MENJACANKAN KEGIATAN PERTENTANGAN DAN JIKA PEMIMPIN ITU SEKALIGUS BOLEH MENJADIKAN CAWANGAN DAN BAHAGIAN UMNO LEBIH KUAT. --LAGI 1433/AJ

MAHATHIR-UMNO 2 ALOR STAR

+TETAPI JIKA PERUBAHAN CUM 4 MERUPAKAN PERTUKARAN OANG DAN TIDAK ADA PERUBAHAN BESAR YANG BOLEH DILAKSANAKAN OLEH YANG INGIN BERTANDING, TIDAK PERLU 404 PEMILIHAN, + TEGASNYA.

DALAM UCAPAN LEBIH SEJAM ITU, PERDANA MENTERI JUGA MENYEBUT KEGIATAN TIDAK SIHAT YANG BERLAKU DALAM UMNO SEKARANG, IAITU:  
+ PENGGUNAAN WANG UNTUK MEMANCING UNDI DI SEMUA PERINGKAT UMNO,  
+ TOHMAH-MENTOHMAH DAN MENYEBARKAN RISALAH DALAM PEREBUTAN KUASA,  
+ PERBUATAN TIDAK MEMBENARKAN ORANG DARI LUAR DATANG UNTUK MERASMIKAN MESYUARAT AUMNO DI SESUATU TEMPAT,  
+ TANDA-TANDA KERETAKAN PARTI AK-I-BAT KEGIATAN PEMIMPIN YANG INGIN BERTANDING UNTUK KEPENTINGAN SENDIRI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR KESAL KERANA PERTANDINGAN BAGI MEREbut JAWATAN DALAM PARTI MENJADI TUMPUAN UTAMA PAR 4 PEMIMPIN SEHINGGA KATLAMAT DAN ASAS PERJUANGAN UMNO DILUPAKAN.

+SAYA INGIN MENINGGATKAN DI SINI, JIKA SEMATA-MATA MEREbut KAN JAWATAN UNTUK KEPENTINGAN DIRI SENDIRI, MUNGKIN KIT 4 DAPAT JAWATAN TETAPI PARTI AKAN HANCURT, +--KALAGI 1436/AJ

MAHATHIR-UMNO 3 ALOR STAR

PERDANA MENTERI MENJELASKAN SISTEM DEMOKRASI YANG MENJADI AMALAN UMNO TIDAK MENEGAH SEMUA ORANG BERTANDING JIKA DICALONKAN TETAPI MEREKA YANG INGIN BERTANDING PERLU MENANYAKAN DIRI SENDIRI SAMA ADA LAYAK ATAU MUNASABAH MEREKA BERTANDING.

+SUNGGUH PUN KITA BOLEH DICALONKAN, TETAPI KITA PERLU MEMPUNYAI FIKIRAN WARAS DAN KEBIJAKSANAAN DENGAN BERKATA KITA JUGA TIDAK BOLEH BERTANDING. KITA MESTI TIDAK MEMBUAT APA-APA YANG TIDAK MUNASABAH SUNGGUH PUN TIDAK ADA UNDANG-UNDANG ATAU PERLEMBAGAAN YANG MENYEKAT KITA DARI BERTANDING. +

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEKANKAN PERLU NYA ANGGOTA UMNO MENYEDAR BAHWA CUMA BEBERAPA ORANG TERTENTU SAHAJA YANG BOLEH BERTANDING BEBERAPA JAWATAN DAN YANG LAIN SETAKAT MENYOKONG SAJA.

+KITA MENENTUKAN SEJAK UMNO DITUBUHKAN LAGI BAHWA CUMA SEORANG SAHAJA MEMIMPIN SUPAYA DIA MENDAPAT SOKONGAN CUKUP DARI ANGGOTA-ANGGOTA BAHAGIAN DAN CAWANGAN. +

BELIAU KESAL KERANA PERBEZAAN SUNGGUH KETARA SEKALI DI ANTARA PEMIMPIN UMNO DAHULU DAN SEKARANG DI MANA PEMIMPIN DAHULU PERLU DIPUJUK RAYU MANAKALA PEMIMPIN SEKARANG TERLALU GHAI RAH HENDAK MEREbut JAWATAN SEHINGGA MENDATANGKAN MASALAH KEPADA PARTI. --LAGI MAHATHIR-UMNO 4 ALOR STAR

+KINI SEMUA NAK JADI CALON TANPA MENYOAL SAMA ADA LAYAK ATAU TIDAK DAN POKOKNYA SEMUA BERKATA LAYAK. +

MENURUTNYA KE GHAI RAHAN MEREKA UNTUK MENDAPATKAN KEMENANGAN MELAMPAUI BATAS SEHINGGA ADA SETENGAH-SETENGAH PIHAK YANG MENGGUNAKAN CARA TIDAK BAIK DENGAN MENGELUARKAN KATA-KATA KESAT, MENGELUARKAN RISALAH MEMBURUK-BURUKKAN CALON-CALON, FITNAH-MENFITNAH DAN MEMIMBULKAN PERASAAN BEN-C I MEMBENCI ANTARA SATU SAM 4 LAIN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BIMBANG TINDAKAN ITU MUNGKIN AKAN MENYEBAB -KAN APABILA PEMILIHAN BERAKHIR KELAK, ANGGOTA UMNO TIDAK BOLEH BERSATU LAGI SEHINGGA MENJADI SEPERTI KAEDAH SEKARANG DI MANA ORANG MELAYU MEMPUNYAI OWA PARTI.

KATANYA INILAH MASALAH YANG DIHADAPI SEKARANG YANG BELIAU PERCAYA DISEBABKAN PERUBAHAN MASA KINIK YANG MAN 4 SESEORANG YANG BERJAYA MEREbut JAWATAN DALAM PARTI MENDAPAT KEDUDUKAN ISTIMEWA DAN MENERIMA BERMACAM-MACAM IMBUHAN DARI KERAJAAN DAN KUMPULAN-KUMPULAN TERTENTU.

+HASIL PERJUANGAN UMNO, ORANG MELAYU MENDAPAT PENDAPATAN LEBIH MALAHAN ADA YANG MENDAPAT PENYOKONG YANG MEMPUNYAI PENDAPATAN BANYAK + KATA BELIAU. --LAGI 1300/AJ

MAHATHIR-UMNO 5 ALOR STAR

DATUK OR. MAHATHIR BERKATA INI TELAH MENGAKIBATKAN PERISTIWA PENGGUNAAN WANG UNTUK MEMSELI SOKONGANDI MERATA TEMPATDIKALANGAN ANGGOTA UMNO.

+ BENAR, DUIT TELAH DIGUNAKAN UNTUK MENDAPATKAN SOKONGAN DAN BUKAN SAHAJA UNTUK DIBELANJAKAN BAGI MENGADAKAN MESYUARAT, MEMBELI HADIAH, MELANCONGMALAHAN MEMSELI KERETA BAGI PENYOKONG ASALKAN PEMIMPIN ITU MENANG, + KATA BELIAU.

MENURUT PEROANA MENTERX PEMIMPIN-PEMIMPIN BERKENAAN MEMPUYAL SIKAP + PARTI TAK AMBIL KIRA, LINGKWPKAN TIDAK MENGAPA ASALKAN SAYA MENANG +.

BELIAU KESAL KERANA PENGGUNAAN WANG SEMAKIN BERLELUAS ADISEMUA PERINGKAT DARICAWANGAN HINGGA HE PERINGKAT PUSAT SEHINGGAKAN ANGGOTA UMNO TIDAK LAGI DIDESAK UNTUK BERJUANG BAGI NEGARA TETAPI YANG DIUTAMAKANIALAH MENJADI PEMIMPIN SUPAYA DAPAT MELANGKAH KE TEMPAT-TEMPAT TERTENTU.

+ INI BERBEZA DENGAN M A S A DULU DI MANA ANGGOTA UMNO PERLU DIPUJUK MENJADI CALON DAN RAMAI MENOLAK D E N G A N ALASAN TIDAK ADA MASA, TIDAK MEMPUYAL KEMAMPUAN, TIDAK LAYAK DAN JAWATAN ITU TERLALU BESAR UNTUK DIPIKUL +. --LAGI 1510/AJ  
NNNN

ZCZC ES66

MAHATHIR-UMNO 7 ALOR STAR

KATANYA ANGGOTA UMNO BOLEH JUGAMEMILIH UNTUK PEMERLNTAHAN KUKW BESI YANG MEMBERICUMA PEMIMPIN MEMBUAT KEPUTUSAN DAN YANG LAIN MENGAKUI KEPUTUSAN ITU ATAU SISTEM FEUDAL YANG MELETAKKAN SATU KELUARGA MENJADI PEMIMPIN TURUN-TEMURUN TANPA MENGIRA SAMADA PIMPINANNYA BERKESAN A T A U TIDAK.

+ INILAH PILIHAN ANGGOTA UMNO PERLU MEMIKIRKAN D A N OLEH ITU BERPADA-PADALAH SEMASA BERTANDING DAN JANGAN LUPA MATLAMAT ASAL MENGADAKAN PERTANDINGAN, + KATANYA. --BERNAMA 1517/AJ  
MAHATHIR-UMNO 6 ALOR STAR

PEROANA MENTERI BERPENDAPAT TIDAK RAMAI YANG INGIN MENJADI CALON PARTIS ATAU CALON PILIHAN RAYA DAHULU KERANA YANG MEMIMPIN PARTI POLITIK SEBELUM MERDEKA CUMA MEMIMPIN PARTI # A N TIDAK MENJADI PEROANA MENTERI.

+ TUNKU ABDUL RAHMAN DULU DIPUJUK OLEH TUN RALAK UNTUK MEMIMPIN UMNO DAN SETELAH DATUK ONN JA, AFAR MENINGGALKAN UMNO, BELIAU MENERIMA PELAWAN ITU DAN DIPILIH MEMIMPIN PARTI TANPA BANTAHAN DAN SEBARANG MASALAH.

+ ORANG SEKARANG TIDAK PAYAH DIJEMPUT UNTUK BERTANDING, + KATANYA DENGANDI SAMBUT OLEH GELAK KETAWA PARA PERWAKILAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TUNKU JUGA TELAH MENGGADAI RUMAH, KERETA DAN HABIS SEMUA WANG DALAM SANK UNTUK PARTI, BERBEZA DENGAN PEMIMPIN SEKARANG YANG BERUPAYA MENYEMBELIH KAMBING SEMATA-MATA UNTUK MEMANCING UNDI DI PERINGKAT CAWANGAN.

BELIAU JUGA MENGULANGI S W P A Y A SISTEM DEMOKRASI AMALAN UMNO DIPERTAHANKAN DAN DIGUNAKAN UNTUK MENGUATKAN KEDUDUKAN PARTI, ORANG MELAYU DAN NEGARA.

+ SAYA LEBIH SAYANGKAN DEMOKRASI DARI ORANG-ORANG LAIN KERANA TANPA DEMOKRASI TIDAK MUNGKIN SAYA, ANAK PENJUAL GORENG PISANG DI PEKAN RABU DAPAT MENJADI PRESIDEN DAN PERDANA MENTERI MEMANDANGKAN SAYA BUKAN DARI GOLONGAN ORANG TERTENTU, + KATA BELIAU. --LAGI 1514/AJ